

EK.

HENTIKAN DISKRIMINASI TERHADAP MINYAK SAWIT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 NOV 84 (BE BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARIINI MENKRITIK NEGARA-NEGARA PENGGUNA MINYAK DAN LEMAK KERANA AMALAN-AMALAN DISKRIMINASI MEREKA TERHADAP MINYAK SAWIT DIPASARAN DUNIA.

BELIAU YANG MELAHIRKAN KEBIMBANGANNYA TERHADAP PERLINDUNGAN YANG SEMAKIN MENINGKAT YANG MENGHALANG MINYAK SAWIT TERUTAMA MINYAK SAWIT DIPROSES, MEMBERI AMARAN TUDUHAN-TUDUHAN TIDAK ADIL BAGI MEMBURUKKAN MINYAK SAWIT OLEH MEREKA YANG MEMPUYAI KEPENTINGAN SENDIRI TIDAK AKAN BERJAYA.

+HALANGAN-HALANGAN YANG DIHADAPI OLEH MINYAK SAWIT ADALAH BERBAGAI-BAGAI DAN TELAH DIKETAHUI RAMAI+, KATANYA DALAM UCAPAN BAGI PERASMIAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA LIMA HARI MENGENAI PEMEROSAN, MINYAK SAWIT, ISIRUNG DAN KELAPA DI SINGAPORE.

+MEMADAILAH JIKA SAYA KATAKAN LOBIANTI MINYAK SAWIT ATAU PRO KACANG SOYA. TELAH MENGAMBIL BENTUK DASAR-DASAR PERLINDUNGAN DAN CUKAI YANG TINGGI KE ATAS MINYAK SAWIT.+

UCAPAN BELIAU DIBACAKAN OLEH MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK PAUL LEONG.

PERDANA MENTERI MENEKANKAN BAHAWA CIRI-CIRI UTAMA KELAPASAWIT MALAYSIA SEPERTI HASIL SE HEKTAR YANG 10 KALI LEBIH TINGGI DARI KACANG SOYA, MUTU TINGGI DAN KANDUNGAN YANG BEBAS DARI KOLESTEROL TIDAK BOLEH DIKETEPIKAN.

MENGENAI SAINGAN DENGAN MINYAK KACANG SOYA, BELIAU BERKATA BECERAPA ORANG PAKAR TELAH MENEGASKAN MINYAK SAWIT TIDAK MEMPUYAI CIRI-CIRI YANG UNIK DAN OLEH ITU PENGGUNAANYA HANYA AKAN MENINGKAT JIKA IA DIJUAL PADA HARGA LEBIH RENDAH DARIPADA MINYAK KACANG SOYA.

BAGAIMANAPUN, PAKAR-PAKAR INI GAGAL MENJELASKAN MENGAPA PEMBUAT-PEMBUAT KENTANG GORENG BERSEDIA MENGGUNAKAN MINYAK SAWIT WALAUPUN HARGANYA LEBIH TINGGI DARI MINYAK KACANG SOYA, TAMBAHNYA.

+MUNGKINKAN CIRI-CIRI UNIK MINYAK SAWIT LEBIH DARI MEMADAI BAYARAN LEBIH TINGGI ITU?+, TANYA BELIAU.

MENGENAI KRISIS DI BURSA KOMODITI KUALA LUMPUR (BKKL) BARU-BARU INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN IA MERUPAKAN RINTANGAN, KERAJAAN SEKALI-SEKALI TIDAK MEMPUYAI HASRAT MELUPAKAN SAJA RANCANGAN MENJADIKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI PUSAT KOMODITI ANTARABANGSA ATAU KONSEP PENYELERASAN SENDIRI YANG PENTING DALAM OPERASI BURSA-BURSA KOMODITI.

BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN SEDANG MENGAMBIL BERBAGAI LANGKAH MEMULIHKAN BKKL KEPADA KEADAAN YANG NORMAL DAN MENGUKUHKAN OPERASINYA. INI TERMASUK MENGADAKAN PERUNDANGAN KEPADA AKTA DAGANGAN KOMODITI 1980 DAN PERATURAN-PERATURAN BURSA DAN PUSAT PENJELASAN KOMODITI KUALA LUMPUR.

PADA MASA YANG SAMA, KERAJAAN MENGAMBIL PERHATIAN BERAT TERHADAP MEREKA YANG MENJALANKAN KEGIATAN DI BKKL. MEREKA HARUS FAHAM SEPENUHNYA BAHAWA DISIPLIN DAN KOD ETIKA SERTA TATA TERTIB ADALAH PENTING SEKIRANYA PASARAN ITU BENAR-BENAR MENCERMINKAN KUASA-KUASA PASARAN DALAM PENENTUAN HARGA.

BELIAU MERAYU KEPADA MASYARAKAT PERDAGANGAN ANTARABANGSA SUPAYA MENYERTAI DAN MEMBERIKAN PENGIKTIRAFAN SEPATUTNYA KEPADA BKKL BAGI MENJADIKANNYA BURSA YANG BERDAYA MAJU DAN CERDAS.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA PENEMUAN-PEMUNAN BARU YANG DIBUAT OLEH INSTITUT PENYELIDIKAN MINYAK SAWIT (PORIM) TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA MINYAK SAWIT BUKAN SAHAJA MENIMBULKAN MINAT DI BIDANG PERUBATAN TETAPI KELUARAN-KELUARAN SAMPINGAN DARI KILANG-KILANG MINYAK SAWIT DAN PENAPIS JUGA MEMPUYAI KEGUNAAN PRODUKTIF YANG AKAN MENINGKATKAN LAGI DAYA DINAMIS SEKTOR MINYAK SAWIT.

PENEMUAN-PEMUNAN BARU INI TERMASUK PENGHASILAN VITAMIN E DARI KELUARAN SAMPINGAN KILANG PENAPIS MINYAK SAWIT, PENGELUARAN MINYAK DIESEL DARI METHYLESTERS, MINYAK SAWIT DAN PENGHASILAN BLO GAS DARI SISA KILANG MINYAK SAWIT BAGI PENJANAAN ELEKTRIK.

BUKTI-BUKTI JUGA SEMAKIN JELAS MENUNJUKKAN KEGUNAAN B-CAROTENE SEBAGAI AGEN ANTI-KANSER, KATANYA. -- LAGI

## HENTIKAN DISKRIMINASI - KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SEKTOR ISIRUNG KELAPA SAWIT, SAMPINGAN DARI INDUSTRI MINYAK SAWIT, MENYEDIAKAN PELUANG-PELUANG LUAS BAGI PEMBANGUNAN TERUTAMA DALAM KONTEKS PELAN INDUK PERINDUSTRIAN.

KATANYA PENEMUAN ASID LEMAK, BAHAN MENTAH PENTING INDUSTRI KIMIA OLEO, DALAM MINYAK-MINYAK KELAPA DAN ISIRUNG BOLEH MENINGKATKAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TERSEBUT DI MALAYSIA DAN MEMBUKA SATU LAGI BIDANG BAGI PEMEROSAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA SEBAGAI PENGELUAR DAN PENGEKSPORT MINYAK SAWIT TERBESAR DI DUNIA AKAN TERUS MENAMBAHKAN PENGELUARANNYA BAGI MEMENUHI PERMINTAAN DUNIA. PENGELUARAN MINYAK SAWIT MALAYSIA DIANGGARKAN MENINGKAT 5.6 JUTA TONNE MENJELANG 1990.

KERAJAAN AKAN TERUS MENAMBAHKAN KAWASAN YANG DITANAM GENGGA N KELAPA SAWIT KERANA MASIH BANYAK TANAH YANG SESUAI BAGI TANAM TERSEBUT MASIH CELUM DIMAJUKAN.

KIRA-KIRA 800 PESERTA DARI 46 NEGARA MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU YANG DIANJURKAN BERSAMA OLEH PORIM DAN PERSATUAN AHLI-AHLI KIMIA MINYAK AMERIKA.

SEBELUM ITU, KETUA PENGARAH PORIM, TAN SRI DR. ANUWAR HAHMUD BERKATA INSTITUT ITU TELAH MERANGKA SATU SISTEM SUKARELA MENILAI KECEKAPAN PENAPIS DAN KILANG-KILANG MINYAK KELAPA SAWIT DALAM OPERASI DAN PENJAGAAN.

SISTEM ITU BERTUJUAN MENGGALAKKAN KESEDARAN MENGENAI MUTU DAN MEMASTIKAN INDUSTRI MINYAK SAWIT BERTAMBAH BAIK.

BE BERNAMA